



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 19 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 19 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **8,933 kes** (2,287,888 kes kumulatif, 95.3%);
- Kes baharu : **5,745 kes** (2,401,866 kes kumulatif);
- Kes import : **12 kes** (11 warganegara; 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,733 kes** [5,432 warganegara (94.7%); 301 bukan warganegara (5.3%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **682 kes** (609 kes disahkan COVID-19 ; 73 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **331 kes** (280 kes disahkan COVID-19 ; 51 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,695 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **8 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,061 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **634 kluster**.

Daripada **5,745 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **115 kes (2.0 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,630 kes (98.0 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA [MINGGU EPIDEMIOLOGI (ME) KE-41]







KKM ingin memaklumkan bahawa pelaporan kes harian, jumlah kematian, kapasiti penggunaan katil COVID-19 di hospital, dan Unit Rawatan Rapi (ICU) terus **menunjukkan tren penurunan** pada ME ke-41. Tren positif ini selari dengan peningkatan liputan vaksinasi COVID-19 di Malaysia yang menjadikan aktiviti pembukaan semula pelbagai sektor secara terancang melalui inisiatif *reopening safely* lebih meyakinkan.

i) Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19

Pada ME ke-41 iaitu dari 10 Oktober 2021 sehingga 16 Oktober 2021 (**Jadual 1**);

- Kes baharu COVID-19 menunjukkan **penurunan sebanyak 17.9 peratus** iaitu daripada **63,722 kes** (ME ke-40) kepada **52,321 kes** (ME ke-41). Namun begitu, jumlah kes baharu COVID-19 bagi **negeri Selangor, Negeri Sembilan, WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur** mulai menunjukkan tren **mendatar**;
- Purata kes aktif menunjukkan **penurunan sebanyak 21.0 peratus** iaitu daripada **133,450 kes** (ME ke-40) kepada **105,497 kes** (ME ke-41);

- Kes kematian menunjukkan **penurunan sebanyak 15.3 peratus** iaitu daripada **700 kes** (ME ke-40) kepada **593 kes** (ME ke-41);
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **penurunan 12.0 peratus** iaitu **778 kes** (ME ke-40) kepada **684 kes** (ME ke-41);
- Kes yang memerlukan bantuan pernafasan menunjukkan **penurunan 11.9 peratus** iaitu **331 kes** (ME ke-40) kepada **292 kes** (ME ke-41); dan
- Nilai R_T kekal stabil sekitar nilai 0.80 - 0.90.












	Week 40 (3/10 - 9/10)	Week 41 (10/10 - 16/10)	Change week 40/41 (%)
Cumulative cases	2,332,221	2,384,542	 2.2
New cases	63,722	52,321	 -17.9
Cumulative deaths	27,191	27,858	 2.2
New deaths	700	593	 -15.3
ICU Utilization (Average)	778	684	 -12.1
Patient on Ventilation (Average)	331	292	 -11.8

Jadual 1 : Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi Minggu Epidemiologi ke-40 dan ke-41

ii) Kluster

Sebanyak **83 kluster** yang dilaporkan pada ME ke-41 yang terdiri daripada (**Jadual 2**);

- **37 (44.6 peratus)** kluster tempat kerja;
- **25 (30.1 peratus)** kluster komuniti ;
- **10 (12.1 peratus)** kluster pusat pendidikan ;
- **Sembilan (9) (10.8 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi ;dan
- **Satu (1) (1.2 peratus)** kluster pusat tahanan.

	Wk 40 (03/10 – 09/10)	Wk 41 (10/10 – 16/10)	Changes (Wk 40/41) (%)	
Cumulative clusters	5580	5663		1.5
Active clusters	845	703		16.8
Closed clusters	278	225		19.1
New clusters	79	83		5.1
New cluster category				
1. Workplace	43	37		14.0
2. Community	25	25		0.0
3. High Risk Group	6	9		50.0
4. Education institution	5	10		100.0
5. Detention Centre	0	1		100.0
6. Religious Activity	0	1		100.0
7. Import	0	0		0.0

Jadual 2 : Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke-40 dan ME ke-41

iii) Vaksinasi

KKM juga ingin memaklumkan bahawa sehingga 16 Oktober 2021, sejumlah **25,079,220 individu** telah mendaftar bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19. Sebanyak **91.5 peratus** daripada populasi dewasa telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap. Manakala, sebanyak **67.8 peratus** daripada keseluruhan penduduk telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap.

iv) Kapasiti Hospital

KKM telah memperuntukkan 29,809 katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), 15,653 buah katil wad biasa, 1,400 katil wad ICU, dan 2,863 alat bantuan pernafasan bagi merawat pesakit COVID-19, kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan. Penggunaan katil di PKRC dan wad serta alat bantuan pernafasan menunjukkan **tren penurunan sekitar 1 hingga 3 peratus** pada ME ke –41 berbanding ME ke-40 seperti pada **Jadual 3**.

Hospital Facility	Total available (Mean)	Number occupied by COVID19/suspected/probable patients (Mean)	Mean Occupancy (%)	Change Wk 41 - Wk 40 (%)
Hospital Beds	15,653	7,395	47%	↓ 3%
Beds in Low Risk Quarantine & Treatment Centre (Public and Detention)	29,809	14,965	50%	↓ 1%
ICU Beds (Total)	1,400	725	52%	↓ 3%
Ventilators (Total)	2,863	1,183	41%	↓ 3%

Jadual 3 : Kapasiti hospital dan ICU di Hospital Awam

Walaupun, perkembangan COVID-19 semasa terus menunjukkan tren penurunan, KKM ingin mengingatkan masyarakat untuk kekal mengamalkan tindakan kesihatan awam sendiri dengan penuh disiplin. Setiap individu bertanggungjawab memelihara kesihatan mereka, keluarga, dan masyarakat sekeliling. Inisiatif menjalankan ujian sendiri sangat

digalakkan apabila seseorang individu bergejala dan/atau sebelum melakukan perjalanan pulang ke kampung halaman bagi melindungi orang lain di sekeliling. Tingkatkan penilaian sendiri TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*).

KKM juga akan sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan lonjakan kes di masa hadapan. Antara lain adalah dengan menubuhkan *National Rapid Response Task Force* yang akan digerakkan ke negeri yang menghadapi lonjakan kes COVID-19. *Task force* ini akan menjalankan penilaian risiko dan mencadangkan strategi yang bersesuaian seperti penambahan kapasiti hospital, mobilisasi sumber tenaga petugas kesihatan, dan tindakan kesihatan awam yang bersesuaian di negeri atau kawasan terjejas. Melalui kaedah ini, persediaan yang lebih pantas dan efisien dapat disediakan di kawasan yang telah dikenalpasti dan seterusnya kes COVID-19 dapat dikawal daripada terus meningkat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

19 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 19 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Jalan Johan 2/5	Tempat Kerja	Perak	Kinta	11	301
2	Industri Dataran Kledang Empat	Tempat Kerja	Perak	Kinta	27	31
3	Jalan Woo Saik Hong	Tempat Kerja	Perak	Hilir Perak	19	29
4	Industri Lorong Perak Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	15	63
5	Industri Dua Pulau Meranti	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	13	54
6	Jalan Kilang Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	13	157
7	Laluan Persekutuan Sempalit	Tempat Kerja	Pahang	Raub	32	129
8	Jalan Springhill 10	Pendidikan Lain	Negeri Sembilan	Port Dickson	33	94

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 18 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
NEGERI SEMBILAN	1.04
WP PUTRAJAYA	1.02
WP KUALA LUMPUR	1.01
SELANGOR	0.97
MELAKA	0.96
PERLIS	0.94
KELANTAN	0.92
SABAH	0.90
JOHOR	0.88
TERENGGANU	0.85
PAHANG	0.84
KEDAH	0.84
PERAK	0.83
PULAU PINANG	0.81
SARAWAK	0.79
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.88